

PERBADANAN TABUNG PENDIDIKAN TINGGI NASIONAL (PTPTN)

PEKELILING PTPTN BILANGAN 4 TAHUN 2003

PENGGUNAAN NAMA PTPTN DALAM IKLAN OLEH INSTITUSI PENDIDIKAN TINGGI SWASTA (IPTS)

Adalah dimaklumkan bahawa PTPTN telah mengesan beberapa Institusi Pendidikan Tinggi Swasta (IPTS) yang mengiklankan nama PTPTN sebagai tarikan untuk pelajar-pelajar mendaftar di IPTS berkenaan. Cara penulisan yang dipaparkan dalam iklan-iklan tersebut seolah-olah menunjukkan bahawa PTPTN akan menyediakan pinjaman kepada semua pelajar yang mendaftar di IPTS tersebut.

2. Sebagaimana yang telah dimaklumkan melalui Pekeliling PTPTN Bilangan 1 Tahun 2002 – Garis Panduan Pengurusan Pinjaman Pendidikan Bagi Pelajar-Pelajar Di Institusi Pendidikan Tinggi Swasta (IPTS), pinjaman PTPTN hanya akan dipertimbangkan kepada pelajar-pelajar yang memenuhi syarat yang ditetapkan. Pelajar-pelajar yang tidak memenuhi syarat yang ditetapkan tidak akan dipertimbangkan.

3. Bagi menyelaraskan pengiklanan mengenai PTPTN, semua IPTS yang berkaitan dibenarkan mengiklankan setakat ayat yang berikut sahaja.

"Pinjaman PTPTN Untuk Pelajar-Pelajar Yang Memenuhi Syarat"

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah,


(ABD. WAHAB ABD. AZIZ)

Ketua Eksekutif

Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional.

4 Disember 2003